



HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAAPAN AUTORITATIF DENGAN KONSEP KENDIRI PELAJAR LEMBAM



SUNATUL MAZIDAH BT MOHD SUHAIMI



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAAPAN AUTORITATIF DENGAN KONSEP KENDIRI PELAJAR LEMBAM

SUNATUL MAZIDAH BT MOHD SUHAIMI



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada 06(hari)02 (bulan) 2024**i. Perakuan pelajar :**Saya, SUNATUL MAZIDAH BT MOHD SUHAIMI (SILA

NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAAPAN AUTORITATIF DENGAN KONSEP KENDIRI PELAJAR LEMBAM

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:Saya, DR KWAY ENG HOCK (NAMA PENYELIA) dengan ini

mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAAPAN AUTORITATIF DENGAN KONSEP KENDIRI PELAJAR LEMBAM

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN KHAS (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAPAAN AUTORITATIF
DENGAN KONSEP KENDIRI PELAJAR LEMBAM

No. Matrik / Matric No.: M20181001523

Saya / I : SUNATUL MAZIDAH BT MOHD SUHAIMI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ /

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 27.02.2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaannya berjaya menyiapkan disertasi ini dengan sempurna. Tanpa nikmat yang diberikan, tidak mungkin saya dapat menyelesaikan tugas ini.

Ucapan jutaan terima kasih saya dahulukan kepada kedua-dua ibu bapa saya kerana sentiasa menjadi penyokong utama di sepanjang perjalanan saya ini dengan memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi. Tidak lupa juga ribuan terima kasih buat penyeliaan Dr Kway Eng Hock yang banyak memberikan tunjuk ajar dan sentiasa bersabar melayani kerenah saya dalam menyiapkan penulisan ini.

Buat rakan yang sentiasa di sisi, terima kerana membantu sepanjang perjuangan kita di sini. Terima kasih di atas kenangan segalanya, semoga kejayaan menjadi milik kita semua, InshaAllah.





ABSTRAK

Kajian bertujuan mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri pelajar lembam. Kajian kuantitatif menggunakan kaedahreka bentuk tinjauan dalam mendapatkan data kajian. Lokasi kajian yang dipilih adalahdi daerah Pasir Mas, Kelantan. Sampel kajian terdiri daripada 118 orang pelajar PPKI dari sembilan buah sekolah yang mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gayakeibubapaan autoritatif. Dua instrumen digunakan dalam kajian ini iaitu *Parenting SyleQuestionnaire* untuk mengenalpasti ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif dan *Tennesse SelfScale* (TSCS) untuk mengenal pasti konsep sendiri pelajarlembam. Kajian rintis menunjukkan nilai *Cronbach Aplha* bagi set soal selidik gaya keibubapaan adalah sebanyak 0.61 dan set soal selidik bagi konsep sendiri adalah sebanyak 0.72. Dapatan kajian dipaparkandalam bentuk deskriptif terdiri daripada min, sisihan piawai, peratusan dan ulangan kekerapan yang turut melibatkan statistik inferensi termasuklah Korelasi Pearson sertakaedah regresi berganda diguna pakai untuk menterjemahkan hubungan antara gaya keibubapaan terhadap konsep sendiri pelajar lembam. Hasil kajian ini membuktikan aras $p < 0.05$ antara gaya keibubapaan autoritatif mempengaruhi tahap konsep sendiri pelajar melalui aspek keluarga, sosial dan peribadi pelajar lembam. Nilai $r = 0.345$ mewakili aspek kekeluargaan manakala $r = 0.201$ bagi aspek sosial dan $r = 0.209$ bagi aspek peribadi. Hubungan yang signifikan dibuktikan melalui hasil dapatan kajian melalui hasil r menunjukkan keluarga ($p < 0.00$), sosial ($p < 0.03$) dan peribadi ($p < 0.02$). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif mempunyai hubungan yang signifikan terhadap konsep sendiri pelajar lembam. Implikasi dari kajian ini diharapkan dapat membantu ibu bapa dalam mengaplikasikan gaya keibubapaan dan memberikan didikan yang bersesuaian kepada pelajar lembam dalam membentuk konsep sendiri anak-anak mereka. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada komuniti setempat dan juga pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan inisiatif bagi membantu golongan berkeperluan khas untuk membentuk konsep sendiri mereka melalui sokongan di sekeliling mereka.



THE RELATIONSHIP BETWEEN AUTHORITATIVE PARENTING STYLE WITH THE SELF-CONCEPT OF SLOW LEARNER STUDENTS

ABSTRACT

The study aims to examine the relationship between authoritative parenting style with the self-concept of slow learner students. Quantitative study used survey design method in obtaining survey data. The selected study location is in Pasir Mas district, Kelantan. The study sample consisted of 118 PPKI students from nine school who had parents who adopted an authoritative parenting style. Two instruments were used in this study namely Parenting Style Questionnaire to identify parents who practised authoritative parenting style and *Tennessee Self Scale* (TSCS) to identify self-concept of slow learner students. A pilot study showed that the *Cronbach Alpha* value for the parenting style questionnaire set was 0.61 and the questionnaire set for self-concept was 0.72. The findings of the study were presented in descriptive form consisting of mean, standard deviation, percentage and frequency repetition which also involved inferential statistics including Pearson Correlation and multiple regression method used to translate the relationship between parenting style to self-concept of slow learner students. The result of this study proved that the level of $p < 0.05$ between authoritative parenting styles affected the level of self-concept of slow learner students through the family, social and personal aspects. The value of $r = 0.345$ represented the family aspect while $r = 0.201$ for the social aspect and $r = 0.209$ for the personal aspect. A significant relationship was depicted through the results of the study findings using the r results had revealed that family ($p < 0.00$), social ($p < 0.03$) and personal ($p < 0.02$). In conclusion, this study showed that authoritative parenting style had a significant relationship to the self-concept of slow learner students. The implication of this study was expected to help parents in applying parenting style and provide appropriate education to slow learner students in shaping their children's self-concept. In addition, this study was also expected to provide awareness to the local community and also the Ministry of Education Malaysia in providing initiatives to help people with special needs to form their self-concept through support around them.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN PENULISAN	ii
BORANG PENYERAHAN THESIS/DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Hipotesis Kajian	9
1.6 Kerangka Konsep Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Batasan Kajian	14
1.9 Definisi	15

1.9.1	Gaya Keibubapaan Autoritatif	15
1.9.2	Konsep Kendiri	16
1.9.3	Keluarga	16
1.9.4	Sosial	17
1.9.5	Peribadi	18
1.9.6	Pelajar lembam	18
1.10	Penutup	19

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20
2.2	Konsep Dan Istilah	22
2.2.1	Konsep Kendiri	22
2.3	Teori Yang Mendasari Kajian	23
2.3.1	Teori Pemusatan Klien - Rogers	23
2.4	Analisa Kajian Lepas	27
2.4.1	Lembam	27
2.4.2	Gaya Keibubapaan Autoritatif	30
2.4.3	Konsep Kendiri	33
2.5	Penutup	38

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	40
3.3	Lokasi Kajian	41

3.4	Sampel Kajian	43
3.5	Instrumen Kajian	45
3.5.1	Parenting Style Questionnare	48
3.5.2	Analisis instrument soal selidik	49
3.5.3	Tennessee Self-Concept Scale (TSCS)	52
3.6	Kesahan Instrumen	55
3.6.1	Kesahan Instrument Soal Selidik : Parenting Style Questionnaire	56
3.6.1.1	Kesahan instrumen soal selidik gaya keibubapaan autoritatif	56
3.6.1.2	Kesahan instrumen soal selidik gaya keibubapaan authoritarian	58
3.6.1.3	Kesahan instrumen soal selidik gaya keibubapaan permisif	60
3.6.2	Kesahan instrument soal selidik : Tennessee Self-Concept Scale	61
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen	61
3.7.1	Kajian Rintis	62
3.8	Pengumpulan Data	63
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	63
3.10	Analisis Data	65
3.10.1	Analisa Deskriptif	66
3.11	Penutup	66
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	67
4.2	Demografi Responden	69

4.3	Laporan Dapatan Kajian	71
4.3.1	Persoalan kajian 1 : Adakah terdapat hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri pelajar lembam dalam aspek sosial?	71
4.3.2	Persoalan kajian 2 : Adakah terdapat hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri sendiri pelajar lembamdalam aspek peribadi?	72
4.3.3	Persoalan kajian 3 : Adakah terdapat hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri sendiri pelajar lembam dalam aspek kekeluargaan?	73
4.4	Laporan dapatan hipotesis	74
4.4.1	Hipotesis 1 – Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri dalam aspek sosial pelajar lembam	74
4.4.2	Hipotesis 2 – Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan sendiri dalam aspek peribadi pelajar lembam	74
4.4.3	Hipotesis 3 – Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan sendiri dalam aspek kekeluargaan pelajar lembam	75
4.5	Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian	76
BAB 5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN KAJIAN	
5.1	Pendahuluan	77
5.2	Ringkasan Kajian	78
5.3	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	80
5.3.1	Perbincangan dapatan kajian hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri pelajar lembam dari aspek sosial	83
5.3.2	Perbincangan dapatan kajian hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri pelajar lembam dari aspek peribadi	84
5.3.3	Perbincangan dapatan kajian hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri pelajar lembam dari aspek kekeluargaan	85
5.4	Cadangan Kajian	87

5.5	Implikasi Kajian	89
5.6	Kesimpulan	91
RUJUKAN		92
LAMPIRAN		100



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Pengkelasan item berdasarkan corak dan gaya keibupaan	50
3.2	Skala likert TSCS dalam kajian	51
3.3	Pembahagian item TSCS	52
3.4	Skor pemarkahan dan penilaian konsep sendiri	52
3.5	Pembahagian item positif dan negatif aspek kekeluargaan, peribadi dan sosial	53
3.6	Penilai kesahan soal selidik	55
3.7	Kesahan instrument soal selidik gaya keibubapaan autoritatif	57
3.8	Kesahan instrument soal selidik gaya keibubapaan authoritarian	59
3.9	Kesahan instrument soal selidik gaya keibubapaan permisif	60
4.1	Demografi responden	68
4.4	Item soal selidk gaya keibubapaan autoritatif	73
4.5	Item soal selidk TSCS aspek kekeluargaan	74
4.6	Item soal selidik TSCS aspek sosial	75
4.7	Item soal selidk TSCS aspek peribadi	76
4.8	Analisis korelasi pearson gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri	77
4.9	Rumusan keseluruhan hipotesis bagi dapatan sebelum dan selepas kajian dijalankan	78



SENARAI RAJAH

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual kajian	11
2.1	Pembentukan konsep sendiri Rogers	25

SENARAI SINGKATAN

ADHD	Attention Deficit Hyperactivitiy Disorder
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JERIS	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, Sosial
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNK	Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PHD	Doktor Falsafah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package For Social Sciense
WKB	Wawasan Kemakmuran Bersama



SENARAI LAMPIRAN

- A BORANG PENILAIAN SOAL SELIDK KAJIAN
- B PENGESAHAN SEMAKAN BORANG SOAL SELIDIK



BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan aspek kajian yang merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual, batasan kajian dan kepentingan kajian. Dalam bab ini juga menjelaskan definisi yang memberikan makna istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

Proses pembentukan konsep sendiri perlu bermula sejak kecil lagi kerana konsep sendiri adalah merupakan satu penilaian seseorang individu terhadap diri mereka sendiri. Namun begitu, konsep sendiri seseorang individu juga boleh berubah dengan adanya penilaian dan pandangan daripada orang di sekeliling mereka. Justeru, individu yang paling hampir dengan anak-anak adalah susuk tubuh ibu dan bapa yang



perlu memainkan peranan penting dalam proses pembentukan konsep sendiri anak-anak yang positif.

Seterusnya, proses pembentukan konsep sendiri anak-anak bukanlah satu tugas mudah terutamanya bagi ibu bapa yang memiliki anak-anak berkeperluan khas. Hal ini kerana, ibu bapa perlu mengaplikasikan gaya keibubapaan yang bersesuaian untuk menghadapi masalah anak-anak mereka dalam membentuk konsep sendiri. Sipon (2010), mendapati gaya keibubapaan dan konsep sendiri mempunyai perkaitan apabila ibu bapa menyediakan didikan yang terbaik di samping persekitaran yang positif untuk anak-anak mereka. Gabungan antara kedua-dua aspek ini mampu membentuk konsep sendiri anak-anak yang tinggi. Tambahan pula, institusi kekeluargaan berperanan sebagai tempat utama seseorang individu dalam menimba ilmu tentang sebuah kehidupan yang akan mereka lalui. Seharusnya, ibu bapa menjadi contoh yang terbaik dalam memberikan sokongan dan dorongan kepada anak-anak mereka sepanjang proses perkembangan dan pertumbuhan.

Selain menjadi sumber pertama mendapat didikan, Shahida Hassim et al.(2012), menyatakan bahawa keberhasilan ibu bapa dalam mendidik anak-anak adalah dipengaruhi oleh faktor kerjasama atau sokongan mereka dalam setiap peringkat perkembangan anak-anak. Sejajar dengan Dasar Pendidikan Malaysia (2012) yang digubal berdasarkan aspek pendemokrasian pendidikan dan ekuiti yang memberikan kesedaran kepada ibu bapa berkenaan perkembangan anak mereka. Kesemua usaha yang dilaksanakan ini adalah untuk melahirkan individu yang mempunyai jati diri, kepercayaan dan keyakinan serta menjadi pencetus kepada kemampuan seseorang menempatkan diri dalam masyarakat. Kesimpulannya, peranan ibu bapa adalah penting





dalam menentukan gaya keibubapaan yang perlu diaplikasikan dalam memastikan konsep sendiri anak-anak mereka dapat dipupuk sejak dari awal lagi.

1.1 Latar Belakang Kajian

Perangkaan demi perangkaan yang di rangka oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memastikan kepentingan pendidikan dalam pembentukan sahsiah pelajar termasuklah kepekaan terhadap golongan berkeperluan khas. Kesedaran dan keprihatinan bagi pelajar keperluan khas telah membantu golongan khas untuk terus berusaha dalam melayari kehidupan. Selari dengan anjakan kesembilan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025), yang memberi penekanan kepada kerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta dengan meluas yang menggariskan bahawa pembelajaran berlaku melangkaui kawasan sekolah dan boleh berlaku dalam kawasan rumah serta komuniti. Hal ini jelas menunjukkan usaha serius yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam menyediakan pendidikan kepada semua individu tanpa menisihkan golongan berkeperluan khas.

Walau bagaimanapun, usaha daripada individu yang terdekat dengan anak-anak adalah lebih baik dalam langkah untuk melahirkan individu yang baik. Hubungan baik yang terjalin antara ibu bapa dan anak-anak adalah salah satu alternatif yang boleh dilakukan dalam membentuk sifat anak yang positif. Sebagai individu yang paling hampir dengan anak-anak, mereka seharusnya memahami kehendak anak-anak mereka dalam membentuk diri anak-anak. Kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan aspek penglibatan ibu bapa, amalan pengajaran, motivasi pelajar dan konsep diri



mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik (Ahmad et al, 2016). Oleh yang demikian, kajian berkaitan gaya keibubapaan dengan konsep sendiri dalam kalangan pelajar berkeperluan khas merupakan suatu peluang yang khusus untuk memberikan peluang kepada golongan bermasalah pembelajaran membentuk konsep sendiri mereka.

Tambahan pula, individu yang mengalami masalah pembelajaran khususnya lembam mengalami masalah untuk menerima atau memberi tindak balas terhadap arahan yang mereka terima. Jadi, mereka seharusnya diberikan perhatian khusus bagi memastikan setiap kekurangan mereka diatasi. Selain itu, mereka juga perlu melakukan sesuatu perkara tersebut secara berulang bagi memastikan mereka memahami apa yang dilakukan disebabkan gaya ingatan mereka yang rendah (Fatimah, 2016) . Hal ini secara tidak langsung mereka memerlukan tunjuk ajar dan kesabaran daripada orang di sekeliling mereka. Jadi, jelaskan menunjukkan bahawa gaya keibubapaan dapat mempengaruhi konsep sendiri anak-anak mereka.

Pembinaan konsep sendiri yang baik akan mampu melonjakkan tahap keyakinan dalam diri dengan galakan dan sokongan daripada persekitaran sosial terutamanya ibu bapa. Gaya keibubapaan merupakan antara garapan yang dilihat oleh pengkaji sebagai perkara penting untuk dikenalpasti. Sejajar dengan kajian oleh Trautwein & Moller (2016), menyatakan konsep sendiri adalah keyakinan secara subjektif mengenai tingkah laku diri terhadap pencapaian akademik yang menerangkan mengenai pandangan sendiri, tahap intelektual dan kekuatan serta kelemahan sendiri. Hal ini disebabkan individu yang mempunyai didikan yang positif dan dorongan daripada sekeliling mampu untuk membentuk diri mereka menjadi seseorang individu



yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa gaya keibubapaan memainkan peranan yang besar terhadap konsep sendiri anak-anak mereka.

1.2 **Penyataan Masalah**

Pembentukan konsep sendiri yang positif adalah penting bagi setiap individu untuk membolehkan mereka bersosial dengan orang di sekeliling, memberikan semangat untuk diri sendiri serta mengesan perasaan individu lain. Individu yang tidak mempunyai konsep sendiri yang positif disebabkan mereka mengalami masalah dalam interaksi sosial dan pengurusan emosi (Shahida Hassim et al., 2013). Faktor pendorong kepada pembentukan konsep sendiri seseorang adalah bermula dengan gaya asuhan daripada ibu bapa dalam menguruskan keluarga mereka. Ibu bapa akan bertindak sebagai pembentuk kepada konsep sendiri anak-anak mereka bermula dari peringkat awal.

Model kajian Baumrind menjelaskan mengenai peranan ibu bapa merupakan entiti utama dalam sistem kekeluargaan untuk membina konsep sendiri anak-anak dan seterusnya dapat menyumbang kesan kepada pembentukan tingkah laku kanak-kanak, sikap, sosial, emosi, dan kognitif dalam melayari proses perkembangan. Pelbagai kajian mengenai konsep sendiri telah dijalankan berkaitan kanak-kanak normal. Oleh yang demikian, pengkaji melihat suatu ruang yang perlu dikaji adalah berkaitan konsep sendiri kanak-kanak keperluan khas bermula daripada rumah melalui usaha dan gaya asuhan daripada ibubapa. Demikian dalam kajian Hutabarat (2014) menyatakan





bahawa hubungan dalam gaya keibubapaan yang baik dapat dikaitkan dengan kesejahteraan dan keamanan hidup ahlinya khususnya anak-anak.

Hubungan sosial pelajar di sekolah dengan rakan sebaya adalah dipengaruhi oleh layanan dan gaya asuhan yang diberikan oleh ibu bapa kepada mereka (Susanti, 2015). Konsep diri pelajar negatif ditunjukkan apabila pelajar tidak mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa (Mohd Khairudin Abdullah et al., 2014). Tambahan pula, hubungan antara gaya keibubapaan terhadap konsep sendiri anak-anak turut mempunyai hubungan terhadap kebersediaan anak-anak ke sekolah (Nasyimah & Zamri, 2016). Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji hubungan gaya keibubapaan autoritatif terhadap konsep sendiri pelajar melibatkan tiga aspek iaitu sosial, peribadi dan keluarga untuk memastikan golongan pelajar berkeperluan khas menerima diri mereka dan menginterpretasikan diri mereka dalam sosial di persekitaran sekolah.

Kesilapan individu dalam membuat keputusan berkenaan kehidupan terutamanya bagi pelajar bermasalah pembelajaran jika mereka tidak mendapat sokongan dan bimbingan daripada ibu bapa. Individu yang mengalami masalah pembelajaran menghadapi suatu gangguan dalaman yang memberikan kesan kepada mereka yang menghalang perkembangan dan pertumbuhan dalam membentuk konsep sendiri (Tg. Iffah & See, 2015). Selain itu, faktor pembentukan konsep sendiri juga dipengaruhi oleh gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa (Emilija et al, 2014). Oleh yang demikian, pengkaji melihat ada ruang yang perlu dikaji dalam mengenal pasti hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif terhadap konsep sendiri terutamanya pelajar berkeperluan khas masalah lembam.





Pelajar yang dikenal pasti mempunyai masalah pembelajaran seperti pelajar lembam memerlukan lebih perhatian dan dorongan daripada orang di sekeliling. Mereka mempunyai tingkah laku suka mengganggu orang lain, bersendirian, tidak dapat berkawan dengan orang lain di dalam kelas dan tidak dapat menyelesaikan tugas yang diberikan (Somaryati & Sri Austutik, 2013) dan (Alifi, 2018). Justeru, ibu bapa perlu memahami corak dan tingkah laku anak-anak mereka bagi memastikan kekurangan yang dihadapi oleh anak-anak mereka dapat diatasi. Jelaslah menunjukkan bahawa gaya keibubapaan yang ideal adalah penting untuk diaplikasikan supaya ibu bapa tidak melepaskan tanggungjawab dalam mendidik anak mereka bagi membentuk konsep sendiri yang positif (Abd Razak, 2011). Oleh itu, kajian ini penting bagi mengkaji hubungan gaya keibubapaan autoritatif terhadap konsep sendiri.



Oleh yang demikian, pengkaji memilih kajian berkaitan pelajar lembam bukan

sahaja untuk memenuhi keperluan kajian malah merupakan suatu inisiatif murni untuk memastikan peranan keluarga terutama ibu bapa memberikan impak kepada perkembangan pelajar berkeperluan khas secara sosial melalui institusi kekeluargaan yang baik. Hal ini akan membantu individu berkeperluan khas menempatkan diri dalam sosialisasi masyarakat.

Kesimpulannya, pengkaji melihat jurang dalam penyelidikan berkaitan konsep sendiri dalam kalangan pelajar lembam melalui analisis dokumen yang telah pengkaji perolehi. Terdapat pelbagai variasi kajian yang telah dijalankan berkaitan konsep sendiri merangkumi kebolehan akademik, sendiri fizikal, aspek sosialisasi, dan pembentukan personaliti. Namun, masih terdapat ruang yang perlu dikaji dari aspek



gaya keibubapaan autoritatif terhadap konsep sendiri pelajar lembam. Jadi, dalam kajian ini, pengkaji memberikan tumpuan kepada kajian gaya keibubapaan autoritatif terhadap aspek sosial, keluarga dan peribadi terhadap konsep sendiri pelajar lembam ini dilihat mampu menghasilkan dapatan yang memberi impak kepada golongan berkeperluan khas.

1.3 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri pelajar lembam di sekolah menengah.

Berdasarkan tujuan yang dinyatakan, terdapat tiga objektif yang digariskan:

- 1) Mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri dalam aspek sosial pelajar lembam.
- 2) Mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri dalam aspek peribadi pelajar lembam.
- 3) Mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri dalam aspek keluarga pelajar lembam.

1.4 Persoalan Kajian

Lanjutan itu, terdapat tiga persoalan kajian yang digariskan :

- 1) Adakah terdapat hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri dalam aspek sosial pelajar lembam?
- 2) Adakah terdapat hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri dalam aspek peribadi pelajar lembam?
- 3) Adakah terdapat hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri dalam aspek keluarga murid pelajar lembam?

1.5 Hipotesis Kajian


Merujuk kepada persoalan kajian yang dibina, hipotesis yang terhasil dalam kajian ini adalah :

- 1) Ha1 – Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri dalam aspek sosial pelajar lembam.
- 2) Ha2 – Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan sendiri dalam aspek peribadi pelajar lembam
- 3) Ha3- Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri dalam aspek kekeluargaan pelajar lembam

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Pembinaan kerangka konseptual kajian merupakan asas dan panduan kepada penyelidik dalam menjalankan kajian. Kajian yang dijalankan ini memberikan fokus kepada

mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri pelajar lembam. Dalam kerangka konseptual kajian yang dibina, pembolehubah tidak bersandar yang telah dikenal pasti dalam kajian adalah gaya keibubapaan autoritatif, manakala pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah konsep sendiri yang memberikan fokus kepada tiga aspek iaitu sosial, peribadi dan keluarga.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Pembentukan kerangka konseptual adalah berdasarkan kepada Teori Pemusatan Klien oleh Carl Rogers (1951) mengenai konsep sendiri individu terbentuk daripada penilai sendiri, penilaian individu lain dan juga penilaian berkenaan anggapan orang lain terhadap dirinya. Selain itu, konsep sendiri adalah suatu elemen yang mempunyai nilai penyesuaian terhadap sesuatu keadaan dengan kemampuan dan boleh berubah mengikut keadaan. Oleh yang demikian, konsep sendiri adalah bergantung kepada aspek interaksi sosial dalam persekitaran seseorang individu. Tuntasnya, semakin banyak seseorang individu bergaul dengan secara langsung pengalaman dan persekitaran yang positif dapat ditimba.



Rogers (1951) turut memetik bahawa konsep sendiri adalah sesuatu yang bersifat global dan dikenali sebagai 'I' sendiri mengetahui "I" dan (II) sendiri diketahui sebagai "me". Walaubagaimanapun, dalam kajian ini lebih memberikan fokus kepada sendiri "me" kerana intipati didalam sendiri "me" adalah konsep yang spesifik kepada seseorang individu. Seterusnya, Rogers menyatakan sendiri "me" merupakan satu struktur yang menggambarkan persepsi seseorang individu terhadap dirinya iaitu imej sendiri. Manakala sendiri dilihat sebagai satu proses penilaian atau penghargaan diri individu terhadap dirinya. Oleh yang demikian, ia mampu membentuk konsep sendiri yang merangkumi kognisi sendiri, sendiri daripada aspek pandangan orang lain dan sendiri yang ideal

Seterusnya, kajian Azhar Ahmad (2006) mendapati faktor persekitaran yang melibatkan ibu bapa, rakan sebaya, media, persekitaran sekolah dan masyarakat memberikan pengaruh dan membentuk sumber pembelajaran kepada perkembangan tingkah laku individu. Oleh yang demikian, tingkah laku pelajar dan inividu adalah oleh hasil daripada persekitaran keluarga dan budaya dalam sesuatumasyarakat.

Kajian sama menitikberatkan mengenai sistem kekeluargaan yang diterapkan secara positif ke dalam diri individu mampu untuk meningkatkan kualiti konsep sendiri yang tidak hanya dilihat sebagai keterampilan personaliti sahaja malah mampu untuk bersosial dan berinteraksi dengan individu lain tanpa membuat justifikasi ke atas diri sendiri dan orang lain. Seterusnya Teori Carls Rogers dapat membentuk keperibadian individu yang diterjemahkan ke dalam bentuk tindak balas dan berdasarkan rangsangan sosial. Hal itu secara tidak langsung membina konsep sendiri dalam pembentukan peranan individu sebagai generasi yang peka terhadap persekitarannya. Oleh yang





demikian, Teori Pemusatan Klien adalah pilihan yang tepat bagi kajian ini bagi mengkaji hubungan gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri dalam aspek sosial, peribadi dan keluarga sebagai usaha untuk mengenalpasti tahap konsep sendiri dalam diri pelajar yang berkeperluan khas.

Kajian memilih gaya keibubapaan autoritatif sebagai fokus untuk menjalankan kajian. Gaya keibubapaan yang diaplikasikan di rumah dalam proses pembentukan konsep sendiri pelajar lambat merupakan aspek yang menjadi fokus utama dalam kajian ini. Teori Konsep Kendiri Carl Rogers merupakan teori yang memberikan keutamaan kepada perkembangan dan pertumbuhan khusus terhadap individu secara menyeluruh daripada segenap aspek kehidupan. Oleh yang demikian, gaya keibubapaan dan kebolehan diri individu dari aspek sosial, peribadi dan keluarga merupakan elemen yang dikenalpasti dalam kajian ini yang memberikan kesan kepada konsep sendiri pelajar lambat. Sistem kekeluargaan yang positif akan membina keperibadian yang mampu berinteraksi dan mengadaptasikan kehidupan dalam konteks sosial sebenar walaupun pelajar merupakan manusia berkeperluan khas (Bandura et al., 2011). Dalam kajian Muhammad (2016), menjelaskan mengenai peranan ibu bapa dan usaha mendidik anak-anak adalah bermula daripada ibu bapa berkahwin.

Kesimpulannya, fokus gaya keibubapaan autoritatif terhadap konsep sendiri memfokuskan kepada gaya keibubapaan yang diaplikasikan di rumah sebagai suatu usaha dan inisiatif bagi membina konsep sendiri dalam kalangan pelajar berkeperluan khas terutamanya pelajar lambat selaras dengan objektif kajian yang telah ditentukan sebelum kajian dirangka dan dijalankan dalam situasi sebenar.



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan memberi penekanan kepada pelajar lembam yang memfokuskan kepada konsep sendiri mereka berdasarkan gaya keibubapaan autoritatif. Hal ini disebabkan pembentukan konsep sendiri seseorang individu tersebut adalah dipengaruhi oleh corak gaya keibubapaan diterapkan di rumah. Hasil kajian yang diperolehi akan memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada pihak berkenaandalam meningkat konsep sendiri pelajar lembam.

Hasil kajian ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran ibu bapa dalam membentuk konsep sendiri anak-anak mereka, khususnya untuk anak-anak yang mengalami masalah lembam. Tambahan pula, pengaplikasian gaya keibubapaan yang ideal membolehkan ibu bapa memberikan sepenuh sokongan kepada anak-anak mereka serta melibatkan diri dengan setiap aktiviti dan memberikan kerjasama kepada mana-mana pihak bagi memenuhi keperluan anak-anak mereka. Lantaran ini, anak-anak akan berasa dihargai walaupun memiliki kekurangan disamping dapat membentuk konsep sendiri mereka sendiri.

Hasil kajian penyelidikan dapat membantu dan menyedarkan komuniti dalam membentuk konsep sendiri anak-anak. Setiap individu mempunyai nilai keunikan yang berbeza untuk dikenalpasti. Jadi, hasil kajian berkenaan gaya keibubapaan autoritatif dapat dikaji dan perbincangan bersama-sama boleh dibuat komuniti dalam memberikan sokongan dan dorongan kepada ibu bapa yang mempunyai anak lembam. Melalui kerjasama yang wujud ini membolehkan masyarakat sekeliling peka terhadap keperluan serta tidak menyisihkan golongan berkeperluan khas.



Hasil kajian penyelidikan diharapkan dapat mewujudkan kerjasama di antara pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dengan ibu bapa dalam menyediakan seminar dalam membantu ibu bapa bagi membentuk konsep sendiri anak-anak mereka. Dengan wujudnya kolaborasi seperti ini, secara tidak langsung akan memudahkan para guru dalam membimbing anak-anak bekeperluan khas. Seterusnya, pihak kerajaan boleh memberikan sumbangan kewangan dalam menganjurkan seminar khas untuk para ibu bapa berkenaan kepentingan gaya keibubapaan yang ideal dalam pembentukan konsep sendiri anak-anak.

1.8 Batasan Kajian



Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji membataskan kajian ini kepada beberapa aspek untuk mendapatkan data yang memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan. Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji hanya membataskan sampel kajian dalam kalangan ibu bapa dan pelajar sekolah menengah PPKI yang mengalami masalah lembam sahaja. Seterusnya, lokasi kajian adalah dibataskan pada satu daerah sahaja iaitu daerah Pasir Mas, Kelantan sebagai tempat untuk mendapatkan data kajian yang dijalankan. Bagi skop kajian pula, pengkaji hanya membataskan kepada satu konsep gaya keibubapaan sahaja dalam kajian yang dijalankan. Hal ini bagi memastikan data yang diperoleh adalah lebih terperinci. Walau bagaimanapun, bilangan sampel yang telah dikenal pasti tidak menunjukkan jumlah yang ramai di mana kebanyakan pelajar PPKI di lokasi kajian tidak memenuhi syarat-syarat pemilihan responden melalui data yang diperoleh daripada JPNK dan PPD Pasir Mas. Tambahan pula, kaedah tinjauan merupakan satu kaedah yang terbatas melalui pembentukan item-item soal selidik yang





dikandung dalam set soal selidik yang memenuhi objektif kajian. Selain itu, kajian turut mempunyai batasan daripada aspek kaedah pemilihan sampel di mana hanya individu yang mempunyai anak lambat yang bersekolah dan ditempatkan di kelas PPKI.

1.9 Definisi

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji menggunakan definisi, pengertian dan takrifan tertentu berdasarkan konteks kajian yang dijalankan. Takrifan ini perlu ada bagi membolehkan penyelidik mahupun pembacaan faham mengenai skop kajian yang dijalankan.



1.9.1 Gaya Keibubapaan Autoritatif

Dalam kajian ini, gaya keibubapaan autoritatif merujuk kepada ibu bapa yang bersifat positif. Setiap masalah atau isu yang timbul berkaitan dengan tingkah laku anak-anak mereka akan dibincangkan bersama. Jadi, peneguhan dan dorongan akan diberikan untuk tingkah laku yang positif manakala nasihat dan hukuman diberikan untuk kesalahan tersebut setelah perbincangan dan kesepakatan dicapai. Menurut Bibi, Chaudhry, Awan & Tariq (2013), gaya keibubapaan autoritatif adalah merujuk kepada ibu bapa mewujudkan hubungan yang baik dengan anak-anak mereka dengan adanya tolak ansur dan ketegasan. Selain itu, mereka juga bersikap terbuka dan tidak menolak sebarang perbincangan bersama anak-anak mereka. Ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif dapat mengelakkan anak-anak mereka daripada aktiviti yang





tidak bermoral.

1.9.2 Konsep Kendiri

Dalam kajian ini, konsep kendiri merujuk kepada salah satu kumpulan sikap, nilai dan pertimbangan oleh seseorang yang berlaku berdasarkan kepada hasil tingkah laku, sosial, kekeluargaan dan nilai kendiri seseorang individu. Konsep kendiri merupakan nilai yang diperkembangkan melalui pertumbuhan kognitif dan melalui proses perkembangan secara dinamik. Konsep kendiri merupakan hasil daripada tindak balas persekitaran yang dipelajari dan cenderung untuk membentuk penilaian terhadap individu. Proses interaksi sosial terhadap persekitaran sekeliling juga akan memberikan impak kepada pembinaan konsep kendiri. Rasa disayangi akan membantu proses pembentukan konsep kendiri para pelajar. Oleh yang demikian, jelas bahawa pembelajaran dalam persekitaran yang dilalui merupakan penanda aras kepada contoh keperibadian mulia dalam kalangan pelajar dalam konteks pembentukan personaliti dan akhlak seseorang pelajar (Syafiqah et al., 2017).

1.9.3 Keluarga

Dalam kajian ini, keluarga merujuk kepada sebuah institusi yang melahirkan generasi baru penyambung keturunan dengan ikatan darah dan mampu bersatu dalam apa juga keadaan yang berlaku dalam keluarga. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam sebuah sistem kekeluargaan yang terbina dengan menyediakan didikan yang sempurna



dalam membentuk diri anak-anak mereka. Menurut Noh (2011), keluarga merupakan sebuah institusi yang terdiri sebagai suatu unit sosial dalam masyarakat dan menyumbang secara tidak langsung kepada masyarakat keseluruhannya. Oleh yang demikian, keluarga yang melibatkan dua entiti yang memainkan peranan utama dalam sesebuah keluarga adalah ibu dan bapa yang perlu menyediakan kemudahan, kebendaan dan keperluan dalam keluarga (Abd Razak & Noraini, 2011).

1.9.4 Sosial

Dalam kajian ini, sosial merujuk kepada keadaan yang digambarkan sebagai penglibatan dan kehadiran individu yang boleh berinteraksi, menyampaikan memahami persekitaran yang terdapat disekelilingnya hasil daripada gaya keibubapaan yang diaplikasikan. Sosial turut merangkumi tingkah laku yang dilakukan oleh individu yang memberikan kesan kepada kehidupan bermasyarakat. Menurut Irfan (2016), seseorang individu bertindak balas kepada rangsangan dalam memperkembangkan diri mereka untuk menjadi seorang yang aktif. Jadi, sosial dapat didefinisikan sebagai proses sosial, terutamanya dalam interaksi. Sosial turut menggambarkan perkara-perkara yang berhubung dengan individu dalam sesebuah masyarakat yang hidup dalam komuniti dan berinteraksi antara satu sama lain. Proses ini dipengaruhi oleh rangsangan, penegasan, pemodelan dan juga peniruan.



1.9.5 Peribadi

Dalam kajian ini, konsep sendiri dalam aspek peribadi merujuk kepada penilaian seseorang individu ke atas dirinya sendiri. Mereka juga boleh menganggap diri mereka sebagai seorang individu yang mempunyai konsep sendiri yang positif mahupun negatif. Gambaran ini adalah meliputi rupa paras dan juga tingkah laku seseorang individu tersebut. Pembentukan konsep sendiri yang terhasil daripada penilaian individu itu sendiri juga bergantung kepada cara didikan daripada ibu bapa. Menurut Al-Ghazali (1980), peribadi adalah tindak balas secara spontan yang lahir dari jiwa di mana perbuatan yang baik dipanggil peribadi yang cemerlang manakala perbuatan jahat disebut peribadi yang buruk.



1.9.6 Pelajar lembam

Dalam konteks kajian ini, pelajar lembam adalah merujuk kepada murid pendidikan khas yang mengikuti sesi pembelajaran di kelas pendidikan khas integrasi (PPKI). Disamping itu, murid ini juga telah didiagnos dan disahkan oleh pakar mengalami masalah yang berkaitan. Justeru, mereka terdiri daripada golongan murid yang kurang berkomunikasi di dalam kelas, mempunyai tahap intelek yang rendah, sukar untuk mencapai objektif pembelajaran dan juga sukar menerima arahan. Menurut Abd Rahman et al. (2011)., pelajar lembam adalah merujuk individu yang mengetahui kekurangan diri mereka yang secara tidak langsung menyebabkan mereka merasakan diri mereka serba kekurangan dan tidak bersemangat. Hal ini secara tidak langsung menjadikan tidak mahu bergaul dengan orang lain dan merasakan diri mereka bodoh.



1.10 Penutup

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan konsep sendiri pelajar lembam peringkat sekolah menengah. Secara keseluruhannya, kajian memberikan panduan dan mengenalpasti corak didikan ibu bapa yang memberikan impak terhadap anak-anak bekeperluan khas. Hasil kajian yang diperolehi dapat membantu mengenal pasti sama ada gaya keibubapaan autoritatif dapat membentuk konsep sendiri yang ideal. Pembentukan konsep sendiri mampu memberikan panduan kepada individu untuk meletakkan diri dalam apa juga situasi yang dilalui. Konklusinya, melalui penerapan gaya keibubapaan yang bersesuaian mampu menjadikan perbezaan mahupun persamaan yang dimiliki oleh seseorang individu meletakkan mereka dengan nilai keunikan dan keistimewaan tersendiri.